

SEMPENA ULANG TAHUN UTUSAN MELAYU KE-80

1939-2019  
PERJUANGAN &  
PENGORBANAN

Oleh SAHIDAN JAAFAR

**P**ENUBUHAN Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1970 merupakan satu kejayaan besar Dasar Pelajaran Kebangsaan yang mengangkat marhabah Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di universiti itu seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak.

Tun Abdul Razak menyatakan bahawa penubuhan UKM adalah kemuncak ke arah memenuhi aspirasi rakyat yang mahu melihat Bahasa Melayu mempunyai keadulatan dan kedudukan yang sewajarnya dalam menentukan keperibadian bangsa.

Malah, *Utusan Melayu* turut berjuang bersama-sama pejuang bahasa dan tokoh-tokoh intelektual Melayu untuk memastikan penubuhan UKM benar-benar menepati aspirasi rakyat.

Menurut *Utusan Malaysia* pada 20 Mei 1970, UKM telah ditubuhkan atas kesedaran rakyat yang mahu melihat Bahasa Melayu terus berkembang dalam negara kita sesuai dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

"Kelahiran universiti ini menunjukkan satu kejayaan besar dan penting yang tidak dinafikan oleh sesiapa pun dalam sejarah sistem pelajar kebangsaan di negara ini," tulis wartawan *Utusan Malaysia* Nordin Mohamad.

Penubuhan UKM juga selaras dengan keyakinan para pejuang Bahasa Melayu yang bersetia untuk keras menangkis segala tohmahan dan momokan mengenai kemampuan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

# Penubuhan UKM kemuncak aspirasi rakyat



CANSELOR UKM, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Ja'afar (bertopi) mendengar penerangan projek tetap kampus UKM di Bangi daripada salah seorang pasukan perancang UKM pada 22 Ogos 1976.

*Utusan Melayu* turut mempertahankan dan meyakinkan semua pihak tentang kemampuan dan kepentingan melekatkan Bahasa Melayu di manara gading agar keadulatan bahasa buanda ini akan terus dijaga dan dipertingkatkan.

Walaupun mendapat tentangan daripada beberapa golongan yang masih ragu-ragu terhadap kemampuan Bahasa Melayu, UKM terus memainkan peranannya, memperjuangkan dan mengendalikan kursus-kursus dalam Bahasa Melayu.

"Penubuhan universiti ini menunjukkan keyakinan kerajaan terhadap penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di peringkat pelajar-

ran tinggi di negara ini" (*Utusan Malaysia* 20 Mei 1970).

*Utusan Malaysia* melaporkan, cita-cita untuk menubuhkan sebuah universiti nasional mulai dicetuskan dalam satu majlis perjumpaan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 25 Ogos 1958 yang dihadiri kira-kira 50 orang perwakilan dari semua lapisan penyuarah universiti, maktab-maktab perguruan sehinggalah mahasiswa.

Cita-cita yang tercetus itu telah menghasilkan satu usaha yang konkrit apabila berlangsungnya Kongres Universiti Kebangsaan bertempat di Dewan Kuliah Universiti Malaysia pada 15 Mac 1969.

Menurut *Utusan Malaysia*, kongres yang berlangsung pada hari itu telah menjadi medan perbincangan antara pejuang-pejuang nasionalis bangsa Melayu mengenai konsep Universiti Kebangsaan.

"Hasil kongres itu yang merupakan 'aritek' pelaksanaan Universiti Kebangsaan itulah wujudnya sebuah universiti yang diidam-idamkan untuk menjadi 'kemegahan negara dan rakyat negeri ini pada hari ini,'" lapor *Utusan Malaysia*.

Menurut laporan *Utusan Malaysia* lagi, kerajaan memberi jaminan bahawa taraf jajahnya sama, setanding dengan jajahnya yang dikeluarkan oleh universiti di dalam dan luar negara.

"Menteri Pelajaran Datuk Abdul Rahman Yaakob dan Naib Canselor universiti itu sendiri telah memberi jaminan tentang taraf universiti tersebut."

"Encik Mohd. Khir Johari sendiri semasa menjadi Menteri Pelajaran dahulu menegaskan bahawa Universiti Kebangsaan bukanlah universiti kelas dua atau tiga untuk menampung penuntut-penuntut kelas dua dan tiga" (*Utusan Malaysia* 25 Ogos 1970).

Pada 2 September 1980, kampus tetap Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi telah dirasmikan penubuhannya oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah.

Kampus tetap Bangi yang dirasmikan itu terletak di ka-



UTUSAN Malaysia pada 20 Mei 1970 menyuarakan "Rencana khas mengulas mengenai penubuhan Kuliah Universiti Kebangsaan Malaysia".

Menurut *Utusan Malaysia* pada 20 Mei 1970, UKM telah ditubuhkan atas kesedaran rakyat yang mahu melihat Bahasa Melayu terus berkembang dalam negara kita sesuai dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

wasan seluas 2,967 ekar dan mampu menampung 10,000 pelajar dalam berbagai bidang pengajian dan telah mula diwujudkan pada akhir 1977.

"Tangan perasmian kampus tetap UKM di Bangi pada hari ini juga telah membuah hasil kejayaan pejuang bangsa dan hasrat rakyat yang ingin melihat Bahasa Melayu sebagai bahasa yang berdaulat" (Hari Ini Dalam Sejarah: Perasmian UKM, Arif Negera 8 Oktober 2008).

Menurut *Utusan Malaysia*, seramai 98 orang daripada 173 mahasiswa itu mengikuti kursus dalam fakulti sastera, Fakulti Sains (37 orang) dan Fakulti Islam (65). Tiga orang intelek Melayu yang terkenal menentuati Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Fakulti Pengajian Islam.

Fakulti Sastera diketuai oleh Syed Naguib Al-Attas iaitu bekas Ketua Pengajian Universiti Malaysia; Pengetua Kolej Islam Malaysia, Tan Sri Dr. Abdul Jalil Hassan menentuati Fakulti Pengajian Islam dengan gelaran profesor dan Dr. Ghazali Abdul Rahman penyuarah di Universiti Malaysia menentuati Fakulti Sains.

MOMEN &amp; MEMORI



PERDANA Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad (tiga dari kiri) merasmikan Kursus Kefahaman Islam Peringkat Kebangsaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor pada 4 Mei 1982. Turut hadir Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim (empat dari kiri), Pemangku Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), Ustaz Dusuki Ahmad (kiri) dan Naib Canselor UKM, Profesor Dr. Awang Had Salleh (kanan). Dr. Mahathir merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Penaja yang turut menyediakan laporan bagi cadangan penubuhan UKM pada tahun 1969 untuk dibentangkan kepada kerajaan.